

# UMS nak kaji jerung paus di perairan Sabah

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan bantuan empat pakar dari Amerika Syarikat akan memulakan kajian mengenai jerung paus di perairan Sabah selama 10 hari mulai 1 Feb.

Naib Canselor Prof Datuk Dr Abu Hassan Othman berkata, matlamat utama kajian itu ialah untuk mengetahui taburan, ciri-ciri populasi, habitat semula jadi dan corak pergerakan jerung paus di perairan Sabah, laut Sulu dan kawasan-kawasan yang berhampiran.

Katanya, kajian yang meliputi tiga tahun dengan kos RM830,000 itu akan dijalankan oleh Kumpulan Kerja Mamalia Marin dan Jerung Paus Malaysia yang diketuai Prof Madya Dr Ridwan Abdul Rahman, yang juga ketua Unit Penyelidikan Marin Borneo UMS.

"Untuk tahun pertama sejumlah RM253,000 akan dibelanjakan daripada peruntukan itu," kata Abu Hassan pada persidangan berita di sini.

"Projek ini juga akan dapat memberi pengalaman dan pendedahan kepada penyelidik-penyelidik tempatan mengenai teknik kajian yang digunakan oleh pakar-pakar berpengalaman dari Amerika Syarikat," katanya.

Kajian itu juga mungkin dapat membantu usaha kerajaan meningkatkan sektor pelancongan terutama eko-tourism di negara ini, sebagaimana kehadiran jerung paus di pantai barat Australia dijadikan daya tarikan pelancong.

Menurut Abu Hassan, jerung paus menjadi buruan nelayan kerana siripnya berharga untuk sajian makanan, juga merupakan

sumber perikanan penting bagi beberapa kawasan kepulauan di Filipina Selatan, Indonesia, India dan beberapa negara kepulauan lain.

"Eksplotasi jerung paus secara tidak terkawal telah membimbangkan kumpulan pakar jerung antarabangsa dan telah menyenaraikan haiwan ini sebagai spesies yang perlu diberi perhatian," katanya.

Di Sabah sendiri kemunculan beberapa jerung paus ini dari semasa ke semasa menjadi tarikan orang ramai.

Bagaimanapun, dalam tempoh dua tahun lepas, dua kematian jerung paus dikesan yang dipercayai akibat perbuatan manusia.

Turut mengambil bahagian dalam kajian ini ialah beberapa jabatan kerajaan termasuk Jabatan Hidupan Liar Sabah, Jabatan Perikanan Malaysia,

Jabatan Perikanan Sabah, Taman-Taman Sabah, Tentera Udara Diraja Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Malaysia Sarawak. — Bernama

27 JANUARI 1998  
DAILY EXPRESS